



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



## LAPORAN AKTIVITI

TEMA :

SEMANGAT PATRIOTISME

**Modul Meningkatkan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Mahasiswa dan  
Mahasiswi Tahun Satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan**

Kerja Kursus PGA103  
**(GURU, SEKOLAH DAN MASYARAKAT)**

Nama ahli kumpulan :

MOHD DANIEL ESHSAQ BIN ABDULLAH	136387	SITI ROHAYU BINTI KAMALUDIN	136499
JEFFERY MUYANG ANAK MELING	136363	NAZIRAH BINTI ABDUL RAHIM	136402
IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361	RACHAEL GISAR	136490
MARKUS ANAK PUKANG	136369	NURASYIKIN BINTI JAWAB	136467
SITI ZAHARAH BINTI YUSUF	136503	NUR AIN BINTI MOHD NOH	136433

**NAMA PENSYARAH :**

DR NAJEEMAH BINTI MOHD YUSUF

## PENGENALAN

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, semangat patriotisme bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Jika dilihat pada era yang semakin moden ini, kebanyakan anak muda kurang peka dengan keadaan sekeliling mereka terutama yang melibatkan perkara yang berkaitan dengan hal-hal patriotisme. Para remaja kini kurang menunjukkan rasa cinta mereka terhadap negara. Mereka leka dengan perkara-perkara remeh dan lalai dengan kecanggihan teknologi serta mementingkan keseronokan diri sendiri semata-mata. Keadaan ini sekiranya dibiarkan akan menyebabkan negara kekurangan tenaga simpanan yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk dijadikan sebagai harapan negara pada masa akan datang demi mengekalkan kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Pelbagai usaha telah dijalankan dalam memupuk kembali rasa cinta terhadap negara dalam diri para remaja. Kerajaan telah berusaha dalam melakukan pelbagai aktiviti di peringkat kebangsaan khusus untuk para remaja. Sebagai contoh, kerajaan telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga mahasiswa dan mahasiswi di peringkat institut pengajian tinggi untuk mengambil tempat dalam hari perbarisan peringkat kebangsaan pada hari kemerdekaan setiap tahun. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk kembali perasaan cinta terhadap negara. Selain itu, pihak universiti dan pihak sekolah juga turut melakukan pelbagai usaha dalam memupuk dan menanam sifat cinta terhadap negara dengan mempelbagaikan aktiviti seperti penciptaan poster, debat berkaitan isu-isu semasa yang berkaitan dengan hal patriotisme, pengdeklamasi sajak dan sebagainya. Usaha-usaha yang dilakukan ini sedikit sebanyak akan memupuk para remaja pada masa kini supaya mereka terus melahirkan perasaan cinta mereka akan negara.

Oleh itu, kesemua pihak perlulah sentiasa berganding bahu dalam memupuk rasa cinta terhadap negara supaya perasaan cinta itu tidak akan lapuk ditelan zaman. Para remaja juga perlulah sentiasa berwaspada dan peka dengan keadaan sekeliling terutamanya berkaitan hal-hal yang melibatkan negara supaya peristiwa penjajahan pada masa dahulu tidak akan berulang lagi di masa akan datang. Bak kata perdana menteri kita, Dato Seri Najib bin Abdul Razak, kita mestilah sentiasa “SEHATI SEJIWA” dalam komuniti hari ini.

## **RASIONAL PROGRAM**

Rasional program ini dijalankan adalah untuk:

- a. Mahasiswa dan mahasiswi tahun satu dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan semakin kurang bersemangat berkaitan hal-hal patriotisme dalam diri masing-masing.
- b. Semakin banyak demostrasi yang berlaku dalam negara akibat daripada perselisihan faham antara kaum.
- c. Mahasiswa dan mahasiswi tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan kini semakin banyak hidup berpuak-puak mengikut bangsa dan negeri mereka sendiri dan kurang berkomunikasi dengan pelajar lain.

## **OBJEKTIF PROJEK**

Objektif modul kami adalah untuk:

- a. Memberi kesedaran tentang kepentingan semangat patriotisme dalam diri mahasiswa dan mahasiswi tahun satu pusat pengajian ilmu pendidikan. Dengan projek ini, mahasiswa dan mahasiswi akan lebih menghargai erti semangat patriotisme yang sebenar.
- b. Menghindari sikap berpuak-puak antara kaum, agama dan bangsa agar kesejahteraan dapat diwujudkan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi tahun satu pusat pengajian ilmu pendidikan.
- c. Memupuk semangat kerjasama dan meningkatkan semangat ukhuwah dalam diri mahasiswa dan mahasiswa tahun satu pusat pengajian ilmu pendidikan.

## **SASARAN AKTIVITI**

Aktiviti ini dilakukan dan disasarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi tahun satu daripada pusat pengajian ilmu pendidikan. Mereka telah menjadi responden untuk aktiviti yang telah dijalankan oleh kumpulan kami.

### **Tarikh Program**

19 November 2017

### **Tempat**

Padang Kawad , Universiti Sains Malaysia.

### **Aktiviti yang Dijalankan**

- a. Mini explorace yang terdiri daripada empat stesen iaitu teka silang kata, nyanyian, tarian tradisional, dan pemakaian tradisional menggunakan surat khabar.
- b. Aktiviti kuiz yang berdasarkan soalan-soalan yang berkaitan dengan kenegaraan Malaysia.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN**

Kami telah mengumpul sebanyak RM10.00 dari setiap ahli kumpulan dan jumlah duit yang terkumpul ialah RM100.00. Berikut merupakan perbelanjaan yang telah kami

BARANGAN	KUANTITI	HARGA (RM/UNIT)
Belon	2	4.10
Gula-gula	1	6.95
Apollo Layer Cake	1	4.89
Tepung gandum	1	1.99
Pinggan kertas	1	3.99
Crysanthemum Tea	4	3.99
Tambang	-	15.00
Gunting	3	2.50
Pen	10	1.10
Kertas	1 (paket)	3.45
Pen bewarna	1 (set)	5.20
Pita pelekat	5	2.40
	JUMLAH	98.63

## TENTATIF PROGRAM

Hari dan Masa	Aktiviti
19 November 2017 (Ahad)	
4.30 - 5.00 petang	Ketibaan para mahasiswa dan mahasiswi
5.00 - 5.15 petang	Bacaan doa dan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Projek
5.15 - 5.30 petang	Penerangan aktiviti 1
5.30 - 6.00 petang	Pelaksanaan aktiviti 1
6.00 - 6.10 petang	Penerangan aktiviti 2
6.10 - 6.35 petang	Pelaksanaan aktiviti 2
6.30 - 6.55 petang	Refleksi aktiviti daripada responden
6.55 - 7.10 petang	Sesi bergambar bersama peserta dan pemberian cenderahati
7.10 petang	Bersurai

## **AJK PELAKSANAAN DAN FASILITATOR**

Pengarah Projek : Mohd Daniel Ehsaq Bin Abdullah

Setiausaha : Jeffery Muyang Anak Meling

Bendahari : Ibnu Sany Bin Samsul Bahri

### **Ahli Jawatankuasa**

Ajk Teknikal & Fizikal : Nur Asyikin Binti Jawab

Markus Anak Pukang

Siti Zaharah Binti Yusuf

Ajk Multimedia : Siti Rohayu Binti Kamaludin

Nazirah Binti Abdul Rahim

Fasilitator : Rachael Gisar

Nur Ain Binti Mohd Noh

## **MODUL PELAKSANAAN AKTIVITI**

Tajuk : Meningkatkan Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Mahasiswa dan Mahasiswi Tahun Satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

Tarikh : 19 November 2017 (Ahad)

Tempat : Padang Kawad, Universiti Sains Malaysia

Masa : 4.30 hingga 7.10 petang

### **Aktiviti 1**

#### 1. ‘Explorace’ Cinta Malaysia

Kami mensasarkan jumlah peserta yang menyertai aktiviti yang akan dijalankan adalah seramai 25 orang. Oleh itu, kami akan membahagikan peserta-peserta tersebut kepada empat kumpulan, iaitu tiga kumpulan mempunyai enam orang peserta manakala satu kumpulan lagi mengandungi tujuh orang peserta. Keempat-empat kumpulan ini dipantau dan di bawah seliaan 2 orang fasilitator yang bertugas. Fasilitator menerangkan perjalanan aktiviti kepada peserta di samping menjadi rujukan untuk sebarang masalah. ‘Explorace’ ini mengandungi empat stesen ataupun ‘check point’ seperti yang berikut:

##### a) Stesen Nyanyian Lagu Patriotik

Ketika para peserta berada di stesen ini, dua orang penjaga stesen akan memberi penerangan tentang langkah yang perlu dilakukan oleh mereka dalam menyediakan persembahan nyanyian secara koir ditambah dengan pergerakan ringkas. Setiap kumpulan diberikan sebuah tajuk lagu patriotik. Mereka dikehendaki untuk menyanyikan lagu tersebut di hadapan dua penjaga stesen berkenaan. Setiap ahli kumpulan hendaklah mengambil bahagian dalam nyanyian tersebut dan melakukan pergerakan ringkas bersesuaian dengan lirik lagu. Antara lagu-lagu patriotik yang dinyanyikan adalah seperti, Tanggal 31,

Warisan, Keranamu Malaysia, Aku Negaraku dan Sehati Sejiwa. Setiap kumpulan diberi masa selama 5 minit untuk membuat persediaan sebelum dipersembahkan kepada penjaga stesen. Tujuan aktiviti ini dilakukan adalah untuk meningkatkan penghayatan dan pemahaman peserta terhadap mesej yang ingin disampaikan dalam sebuah lagu patriotik itu dan seterusnya menimbulkan semangat patriotisme dalam diri mereka.

b) Stesen Tarian Tradisional

Dalam stesen ini, setiap ahli kumpulan dikehendaki untuk mempersembahkan sebuah tarian tradisional kaum di Malaysia. Penjaga stesen akan memberitahu jenis tarian yang akan dipersembahkan kepada mereka. Setelah mendapat tahu jenis tarian yang akan dipersembahkan, setiap kumpulan juga akan diberi peluang untuk membuat persediaan gerak tari yang asli daripada kaum yang mencipta tarian tersebut selama 10 minit. Mereka dibenarkan untuk membuat rujukan melalui Internet bagi mendapatkan idea tentang gerak dan susunan tari yang ditugaskan kepada mereka. Penjaga stesen akan memainkan muzik tarian tersebut semasa tarian mula dipersembahkan. Tujuan aktiviti ini dilakukan adalah untuk mendedahkan kepada peserta tentang kepelbagaiannya budaya yang wujud di Malaysia melalui keunikan tarian sesebuah kaum itu sendiri. Tarian-tarian tersebut adalah seperti tarian Zapin, Kipas, Ngajat, Sumazau dan juga Baratha Natyam.

c) Stesen Kuiz Kenegaraan

Setiap ahli kumpulan ditugaskan untuk menjawab satu set silang kata yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan negara Malaysia. Setiap kumpulan hanya dibenarkan untuk menjawab soalan tersebut dalam masa 5 minit. Mereka dibenarkan untuk berbincang sesama sendiri untuk memberikan jawapan yang tepat. Terdapat 20 soalan yang dikemukakan, iaitu 10 soalan menegak dan 10 soalan melintang. Setiap kumpulan dibekalkan alat tulis untuk menjawab kuiz yang disediakan. Tujuan aktiviti ini diwujudkan adalah untuk menguji pengetahuan setiap peserta tentang sejarah Malaysia dan maklumat yang berkaitan identiti negera yang sebenarnya harus diketahui oleh

setiap rakyat Malaysia. Objektif aktiviti ini dilaksanakan sememangnya ingin menguji tahap pengetahuan am peserta tentang tanah air tercinta dan menzhirkan rasa tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia untuk mengetahui identiti negara sendiri.

d) Stesen Pakaian Tradisional

Stesen yang paling menarik dicadangkan untuk ‘explorace’ ini ialah stesen mencipta pakaian tradisional. Dalam stesen ini, setiap kumpulan akan hanya dibekalkan 10 helai surat khabar, segulung pita pelekat dan satu gunting untuk mencipta satu pasang pakaian tradisional yang berjaya dicabut daripada kotak undian. Mereka dikehendaki untuk mencipta pakaian tradisional kaum yang terdapat di Malaysia dengan hanya menggunakan bahan-bahan yang disediakan dan daya kreativiti setiap ahli kumpulan tanpa bantuan bahan-bahan lain. Setiap kumpulan diberikan masa selama 20 minit untuk menyediakan pakaian tradisional yang diperbuat daripada surat khabar. Penjaga stesen akan menilai dari segi aspek keutuhan pakaian (tidak mudah jatuh), kekemasan, dan kreativiti membahagikan surat khabar untuk setiap bahagian sesuatu pakaian itu. Aktiviti ini dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam explorace adalah untuk menguji pengetahuan peserta terhadap jenis pakaian-pakaian tradisional mengikut kaum yang terdapat di Malaysia. Selain itu, aktiviti ini juga akan dapat menguji daya kreativiti peserta-peserta dalam mencipta pakaian tradisional dengan hanya menggunakan barang terpakai.

## Aktiviti 2

### 1. Caknakah Anda?

Aktiviti kedua ini adalah berbentuk sukaneka. 25 orang responden yang disasarkan akan dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu, enam orang untuk tiga kumpulan dan tujuh orang untuk satu kumpulan. Aktiviti ini diadakan untuk menguji para peserta tentang pengetahuan mereka terhadap maklumat mengenai negara seperti sejarah sebelum dan selepas kemerdekaan, latar belakang dan sumbangan tokoh dan pejuang tanah air, sistem pemerintahan negara dan identiti

negara Malaysia. Aktiviti ini berbeza dengan kuiz yang terdapat dalam Aktiviti 1. Hal ini demikian kerana, dalam aktiviti 2 ini, setiap peserta dalam kumpulan akan menjadi wakil yang menjawab soalan spontan dengan masa yang sangat singkat. Aktiviti 2 ini juga akan menimbulkan unsur debaran dan pesaingan sengit yang sihat antara kumpulan kerana dikehendaki untuk menjawab soalan dengan pantas di samping melibatkan beberapa pergerakan. Setiap kumpulan akan menghantar wakil untuk menjawab soalan. Wakil tersebut akan dibekalkan sebuah belon. Apabila fasilitator membunyikan wisel, belon tersebut hendaklah ditiup sehingga pecah. Setelah belon pecah, wakil akan berlari ke arah pinggan yang berisi tepung. Seterusnya, wakil perlu meniup tepung dan mengambil gula-gula yang tersebunyi di dalam tepung itu dengan hanya menggunakan mulut. Setelah berjaya mendapatkan gula-gula, wakil dikehendaki menjawab soalan yang dikemukakan oleh fasilitator dalam masa 10 saat sahaja.

## **Laporan Pelaksanaan Aktiviti 1**

Aktiviti ini dijalankan pada 19 November 2017 bersamaan dengan hari Ahad di Padang Kawad, Universiti Sains Malaysia. Suasana pada hari tersebut agak redup kerana aktiviti yang kami jalankan ini pada waktu petang. Aktiviti yang kami jalankan ini melibatkan 25 orang mahasiswa dan mahasiswi yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi tahun satu pusat pengajian ilmu pendidikan yang turut mengambil kursus yang sama.

Aktiviti pertama yang kami jalankan ialah “*Explorace Cinta Malaysia*” yang melibatkan 4 stesen yang berbeza bagi setiap aktivitinya. Sebelum memulakan aktiviti, terlebih dahulu kami membahagikan 25 peserta kepada empat kumpulan. Tiga kumpulan mempunyai enam orang peserta manakala satu kumpulan lagi mengandungi tujuh orang peserta. Setiap stesen pula dijaga oleh dua orang fasilitator yang bertindak memberi arahan bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

Berdasarkan aktiviti yang dilakukan di stesen pertama, iaitu stesen nyanyian lagu patriotik, hasil yang ditunjukkan oleh setiap ahli kumpulan ialah mereka menyanyi dengan penuh penghayatan. Setiap kumpulan diminta menyanyi dan membuat pergerakan berdasarkan lirik setiap lagu untuk mereka lebih menghayati dan mendalami setiap lagu tersebut. Stesen ini juga masih mengekalkan objektif yang sama iaitu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan peserta.

Stesen kedua adalah stesen menari di mana setiap kumpulan diminta untuk menari tarian tradisional yang berbeza-beza mengikut cabutan undi. Antara tarian yang telah diminta untuk dipersembahkan adalah tarian melayu, tarian cina, tarian india dan yang terakhir adalah tarian daripada suku kaum iban iaitu tarian ngajat. Stesen ini adalah untuk memperkenalkan setiap tarian tradisional yang ada di Malaysia kepada setiap peserta yang terlibat di samping mereka dapat menghargai setiap keunikan budaya yang ada di Malaysia.

Seterusnya, stesen ketiga pula adalah stesen teka silang kata. Pada mulanya, fasi meminta para peserta untuk berkumpul di satu tempat untuk menjalankan aktiviti tersebut. Fasi telah menerangkan setiap peraturan sebelum aktiviti dijalankan. Antara peraturan yang ditetapkan adalah para peserta diingatkan menjawab teka silang kata dalam masa tiga minit. Kebanyakkan soalan yang ditanya dalam stesen teka silang

kata tersebut adalah berkaitan dengan negara Malaysia di mana ia diharapkan dapat meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan mereka terhadap negara Malaysia.

Akhir sekali adalah stesen membuat pakaian tradisional menggunakan surat khabar. Kami menggunakan surat khabar terpakai untuk membuat pakaian tradisional. Para peserta diminta untuk membuat beberapa pakaian tradisional seperti pakaian baju melayu, baju kurung, pakaian tradisional india dan pakaian tradisional cina. Kami menggunakan surat khabar dalam membuat pakaian tradisional bagi meningkatkan lagi cabaran aktiviti di samping memanfaatkan bahan terpakai seperti surat khabar lama.

Kesimpulannya, pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk menyemai semangat kesedaran dalam kalangan peserta terhadap pentingnya menghargai setiap budaya yang ada di Malaysia. Aktiviti ini juga menerapkan semangat kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan di samping mengeratkan lagi jalinan silaturahim dalam kalangan ahli kumpulan.

## **Laporan Pelaksanaan Aktiviti 2**

Aktiviti ini juga dilaksanakan pada 19 November 2017 iaitu pada hari ahad bertempat di Padang Kawad Universiti Sains Malaysia bermula pada pukul 5 petang hingga 7 petang. Aktiviti ini juga melibatkan sebanyak 25 orang pelajar tahun pertama pusat Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia. Aktiviti ini diberi nama Caknakah Anda? Aktiviti ini dijalankan untuk menguji pengetahuan peserta tentang sejarah dan maklumat negara Malaysia. Aktiviti ini mengambil masa sebanyak tiga puluh minit untuk dijalankan.

Pertama sekali, fasilitator telah membahagikan peserta kepada lima kumpulan iaitu setiap kumpulan terdiri daripada lima orang peserta. Setiap kumpulan diberi nama kumpulan berdasarkan nama tokoh pahlawan negara iaitu kumpulan Tuk Janggut, Dato Maharaja lela, Hang Tuah, Dato Bahama, dan Mat Kilau. Seterusnya fasilitator menjelaskan peraturan permainan kepada peserta iaitu salah seorang peserta daripada setiap kumpulan perlu meniup belon sehingga pecah dan peserta perlu pergi ke arah tepung untuk mengambil gula-gula yang disembunyikan di dalam tepung dengan menggunakan mulut sahaja. Seterusnya peserta perlu menjawab soalan yang diajukan oleh fasilitator dan jika peserta menjawab dengan betul gula-gula perlu dibuka dan dimakan oleh peserta. Setiap peserta hanya dibenarkan menjawab dua soalan sahaja dan tidak dibenarkan peserta yang sama menjawab soalan berturut-turut.

Selepas fasi menjelaskan peraturan permainan aktiviti kepada semua peserta, aktiviti dimulakan sebaik sahaja fasi membunyikan wisel. Peserta yang pertama daripada setiap kumpulan telah meniup belon yang telah diberikan sehingga pecah. Peserta berjaya memecahkan belon lalu pergi ke arah tepung yang diletakkan di atas pinggan kertas dan mengambil gula-gula yang disembunyikan dalam tepung dengan menggunakan mulut. Kemudian peserta telah pergi ke arah fasilitator yang berdekatan untuk mendapatkan soalan dan yang berjaya menjawab kemudiannya membuka plastik gula-gula dan makan sebelum berlari semula ke arah peserta yang seterusnya.

Ciri-ciri soalan yang kami utarakan kepada para peserta aktiviti adalah bercirikan kenegaraan, patriotisme, dan ketatanegaraan. Soalan-soalan tersebut ditanya berdasarkan pengetahuan peserta mengenai sejarah negara kita dan soalan ini berada

pada tahap yang susah yang memerlukan para peserta berfikir dan mengingati peristiwa bersejarah dan tarikh penting serta tokoh politik negara yang telah berjasa kepada negara. Hampir kesemua soalan yang diajukan kepada para peserta dapat dijawab dengan tepat. Kaumpulan yang paling banyak menjawab soalan adalah kumpulan Tuk Janggut iaitu sebanyak sembilan soalan dapat dijawab dengan tepat. Hal ini menunjukkan bahawa para peserta yang terdiri daripada pelajar pusat Ilmu Pendidikan mempunyai ilmu sejarah dan juga perasan sayang dan cinta akan tanah air. Sebanyak sepuluh soalan telah kami ajukan, antara soalannya adalah seperti berikut:

1. Bilakah tarikh pernubuhan Malaysia?
2. Apakah kuasa luar yang pertama bertapak di tanah melayu?
3. Siapakah tokoh negara yang pertama sekali memegang jawatan presiden UMNO?
4. Siapakah yang menjadi ketua negara Malaysia?
5. Bilakah parti Barisan Nasional ditubuhkan?
6. Siapakah bapa pembangunan negara?
7. Di negeri manakah peristiwa bukit kepung berlaku?
8. Pada tahun bilakah peristiwa penurunan bendera Union Jack diturunkan?
9. Bilakah peristiwa Pengistiharaan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan?
10. Siapakah tokoh pejuang bagi negeri Sarawak dan Sabah?

Hasil daripada aktiviti ini iaitu Caknakah anda? meperlihatkan bahawa soalan-soalan yang telah diajukan dapat memupuk kembali kesedaran para peserta tentang kepentingan mempelajari sejarah negara terutama sekali pentingnya memupuk semangat patriotisme dalam kalangan para pelajar pada masa kini.

## **REFLEKSI**

Setelah selesai melakukan kesemua aktiviti tersebut, kami telah membuat beberapa refleksi. Pada setiap akhir aktiviti kami, para fasilitator akan meminta setiap peserta memberi pandangan sendiri mengenai aktiviti yang dijalankan. Selain itu, kami juga telah menemubual segelintir peserta dan meminta pendapat mereka mengenai aktiviti yang kami jalankan ini. Melalui itu, kami dapat mengetahui kelemahan dan kebaikan aktiviti yang kami anjurkan beserta langkah penambahbaikan yang boleh dilakukan pada masa yang akan datang.

### **Keberkesanan modul**

Melalui aktiviti yang kami jalankan, kami dan juga para peserta dapat mengetahui bahawa projek ini merupakan asas perpaduan kaum. Hal ini demikian kerana para peserta dan fasilitator yang mengikuti aktiviti ini terdiri daripada perlbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Keadaan ini secara tidak langsung telah menjalin hubungan silaturahim dalam kalangan kami semua.

Selain itu, kami telah mendapat maklum balas daripada para peserta yang mereka menyatakan pentingnya semangat berpasukan atau kerjasama kumpulan. Hal ini dapat dilihat melalui kesungguhan setiap mereka dalam bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mencapai sesuatu objektif atau misi. Maka, para peserta dapat menggelakkkan sikap mementingkan diri sendiri dan fokus kepada semangat berpasukan.

Kesedaran tentang penguasaan ilmu pengetahuan yang luas amat penting dalam kalangan generasi pada masa kini. Keadaan ini dapat dilihat melalui aktiviti menjawab teka silang kata yang mereka lakukan. Tegasnya, setiap individu perlu mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan yang berada diluar kepakaran mereka untuk menjadi insan yang seimbang.

### **Kelemahan modul**

Kelemahan modul yang dapat kami kenal pasti adalahkekangan masa yang terhad. Keadaan ini berlaku kerana setiap peserta dan fasilitator masing-masing mempunyai hal peribadi sendiri dan perkara ini menjadikan kami agak susah untuk

memilih tarikh dan masa yang sesuai. Oleh itu, kami semua setuju bahawa aktiviti ini sesuai dijalankan pada waktu petang memandangkan mereka semua ada masa lapang waktu tersebut.

Di samping itu, kami juga menghadapi kelemahan daripada anggaran sasaran peserta yang mengikuti aktiviti kami. Hal ini demikian kerana jumlah peserta yang dapat menghadirkan diri dalam aktiviti kami tidak menepati sasaran yang ditetapkan. Maka, kami telah bekerjasama dengan kumpulan lain untuk mengimbangi jumlah peserta yang kami perlukan.

Secara keseluruhannya, kelemahan modul yang kami hadapi ini telah kami atasi dengan baik dengan adanya kerjasama dan komitmen setiap ahli kumpulan.

### **Cadangan penambahbaikan**

Cadangan penambahbaikan ini telah dikemukakan oleh para peserta dan juga ahli kumpulan kami sendiri. Mereka berpendapat bahawa, adalah wajar bagi pelaksanaan aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan dua atau tiga kumpulan yang lain dijalankan secara serentak. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan tiada berlakunya kekurangan peserta untuk mengikuti aktiviti yang dianjurkan.

Selain itu, ramai yang mencadangkan pula agar aktiviti yang dilakukan pada masa akan datang perlulah dibuat pada waktu petang atau hujung minggu. Keadaan ini adalah untuk memudahkan para peserta dan ahli kumpulan terlibat serta secara langsung dan mereka mempunyai waktu lapang pada waktu tersebut.

Tegasnya, pandangan yang positif mengenai cadangan yang diberikan oleh peserta dan juga ahli kumpulan mengenai cadangan untuk menambahbaik sesuatu aktiviti harus diambil perhatian yang sewajarnya.

NAMA : MOHD. DANIEL ESHSAQ BIN ABDULLAH  
NO. MATRIK : 136387  
NO. KAD PENGENALAN : 970204-13-5319

Pertama sekali saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya saya dan ahli kumpulan berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid dan Profesor Madya Dr. Najeemah Binti Mohd. Yusof yang sentiasa memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan dalam menjayakan projek kami. Setelah melakukan perbincangan dan perancangan yang rapi, kami berjaya melengkapkan satu modul semangat patriotisme hasil kerjasama setiap ahli kumpulan. Saya selaku pengarah projek ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli kumpulan saya kerana mencerahkan sepenuh komitmen terhadap projek yang dilaksanakan. Banyak kebaikan yang saya peroleh dan saya pelajari sebelum, semasa dan selepas projek dijalankan dari pelbagai perspektif. Sekiranya tanpa bantuan dan sokongan ahli kumpulan, sudah pasti saya tidak kuat menggalas tugas sebagai peneraju kepada projek ini.

Dari segi sudut kepimpinan, projek ini mendidik saya sebagai seorang ketua untuk menerima pandangan orang lain dan mengumpul suara majoriti untuk mencapai kata sepakat. Setiap ahli kumpulan dengan semangatnya melontarkan idea dan cadangan beberapa aktiviti menarik yang patut dijalankan berpandukan modul semangat patriotisme. Di hujung perbincangan kami semua kumpulan bersetuju untuk mengadakan dua aktiviti iaitu, ‘Explorace Cinta Malaysia’ dan ‘Caknakah Anda?’. Dalam pada itu, projek ini juga telah mendidik saya selaku pemimpin organisasi untuk meletakkan kepercayaan kepada setiap ahli kumpulan akan kebolehan mereka melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Ternyata harapan dan kepercayaan yang saya letakkan tidak sia-sia kerana kesemua ahli kumpulan menjalankan peranan mereka sendiri dengan baik sekali. Skop tugas mereka juga tidak terhad kepada portfolio masing-masing malah sudi membantu ahli kumpulan yang lain dalam menyempurnakan kerja mereka. Oleh hal yang demikian, mudah untuk saya mengendalikan mereka disebabkan nilai postif yang ditunjukkan.

Melihat dari sudut hubungan interpersonal dengan responden atau peserta kepada aktiviti-aktiviti kami pula, saya belajar untuk mendapatkan perhatian dan memberi penerangan dengan jelas kepada mereka. Kemahiran berkomunikasi merupakan elemen yang penting dalam memastikan mesej yang ingin disampaikan difahami oleh pihak sasaran. Saya berasa sangat gembira dan bangga dengan kerjasama yang diberikan responden-responden kami yang terdiri daripada rakan daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang sudi meluangkan masa untuk menyertai aktiviti yang diadakan. Melalui pemerhatian dan pengalaman saya, mereka bersungguh-sungguh melakukan tugas di setiap stesen dan semangat kekitaan dalam kalangan mereka jelas terlihat apabila setiap daripada mereka menyumbang idea untuk melengkapkan tugas dan menyelesaikan masalah. Objektif aktiviti-aktiviti yang diadakan juga tercapai kerana responden-responden kami mempunyai pengetahuan am yang baik tentang kenegaraan. Izharnya, semangat

patriotisme wujud dalam sanubari mereka bakal bergelar sebagai seorang pendidik yang juga merupakan agen pembina negara bangsa pada masa akan datang.

NAMA : JEFFERY MUYANG ANAK MELING

NO. MATRIK : 136363

NO. KAD PENGENALAN : 971005-13-5863

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada tuhan kerana dapat menjalankan projek PGA 103 ini dengan jayanya. Saya bersama sembilan orang lagi ahli kumpulan telah menjalankan projek ini pada 19 November yang lepas dan bertempat di Padang Kawad USM. Bagi menjalankan tugas ini, kumpulan kami telah memilih tema semangat patriotisme. Matlamat utama kami memilih tema ini adalah untuk menyemai semangat dan meningkatkan lagi kesedaran tentang nilai-nilai patriotisme dalam kalangan pelajar-palajar tahun pertama USM yang turut mengambil kursus yang sama.

Bagi menjayakan projek tersebut, kami telah meminta bantuan daripada 25 orang pelajar yang akan menjadi peserta dalam projek tersebut dan mereka dibahagikan kepada 5 kumpulan. Bagi mencapai objektif dan matlamat projek kami, terdapat dua aktiviti yang perlu disiapkan bagi setiap kumpulan di mana aktiviti yang pertama diberi nama “explores cinta Malaysia” yang melibatkan empat stesen dan aktiviti kedua diberi nama Caknakah Anda??

Pengalaman saya sebagai ahli kumpulan dalam melaksanaan tugas ini adalah satu pengalaman yang sangat berharga. Saya telah diamanahkan tugas sebagai fasilitator untuk stesen yang pertama iaitu stesen menari tarian tradisional. Sepanjang menjalankan tugas dalam stesen tersebut saya telah belajar untuk memberikan arahan dan menetapkan syarat-syarat sebelum melaksanakan tugas yang diberikan. Saya juga berperanan dalam membantu mereka untuk lebih memahami setiap tarian yang ingin dipersembahkan dan ia secara tidak langsung membantu saya dalam membimbing para peserta.

Melalui pelaksanaan aktiviti ini juga saya dapat mengenali ahli kumpulan dengan dekat lagi di samping mengeratkan lagi jalianan silaturahim dalam kalangan kami dan juga para peserta. Saya juga berasa sangat gembira kerana kami dapat bekerjasama antara satu sama lain dalam menjalankan setiap aktiviti dalam setiap stesen misalnya saya membantu stesen lain begitu juga ahli kumpulan yang lain yang membantu saya dalam stesen tarian.

Secara keseluruhan, pelaksanaan aktiviti PGA 103 ini bukan sahaja mengeratkan lagi hubungan dalam kalangan ahli kumpulan malah ia mampu menyemai serta meningkatkan lagi nilai-nilai patriotisme dalam kalangan ahli kumpulan dan juga peserta yang terlibat.

NAMA : IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI  
NO. MATRIK : 136361  
NO. KAD PENGENALAN : 970710-12-5703

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana atas keredhaanNya, kami semua dapat menjayakan projek ini dengan baik. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Najeemah binti Mohd Yusof dan Dr. Rabiatul-Adawiah binti Ahmad Rashid selaku pensyarah bagi subjek PGA103, Guru, Sekolah, dan Masyarakat kerana telah memberi tunjuk ajar serta panduan dalam menjayakan program ini. Tanpa bimbingan mereka, tidak terhasillah projek ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sekumpulan yang lain kerana bersama-sama bekerjasama bertungkus lumus dalam menjayakan projek ini. Tidak dilupakan juga, ucapan sekalung terima kasih saya ucapkan kepada responden kerana sudi meluangkan masa mereka untuk menjadi responden kami.

Dalam menjalankan projek ini, kami telah memilih tema semangat patriotisme manakala aktiviti yang kami jalankan untuk para responden ialah “*Explorace Cinta Malaysia*” dan “Caknakah Anda?”. Saya telah ditugaskan oleh pengarah projek untuk menjadi bendahari kepada projek ini. Selaku bendahari, saya telah mengumpul sebanyak RM10.00 dari setiap ahli kumpulan. Jumlah terkumpul adalah sebanyak RM100.00. Setelah selesai mengumpul duit, saya juga ditugaskan untuk membeli barang untuk keperluan setiap aktiviti. Sebagai contoh, saya dikehendaki membeli cenderahati berbentuk makanan dan minuman kepada responden, membeli surat khabar, membeli peralatan seperti pita pelekat dan gunting dan sebagainya.

Menjadi seorang bendahari sememangnya bukan tugas yang senang bagi saya. Sepanjang menjadi seorang bendahari, banyak perkara yang telah saya pelajari. Antaranya ialah saya perlu bersabar, bersikap amanah dan bersikap jujur dalam semua hal. Dalam proses mengumpul duit, saya perlu bersabar untuk menunggu ahli kumpulan lain untuk melunaskan bayaran mereka. Satu cabaran bagi saya kerana saya perlu berhadapan dengan ahli yang lain untuk meminta mereka melunaskan bayaran untuk memudahkan urusan seterusnya. Saya juga perlu amanah ketika menyimpan duit tersebut tanpa menggunakannya. Dari segi kejujuran pula, saya juga perlu bersikap jujur dalam membeli barang yang diperlukan dengan membuat anggaran perbelanjaan dan menunjukkan bukti resit pembelian kepada ahli yang lain.

Akhir kata, saya berharap agar pengarah projek akan memberikan tugas yang lain kepada saya. Hal ini demikian kerana, melalui tugas sebeginilah, saya dapat menimba pengalaman dalam menjayakan aktiviti ini. Melalui aktiviti ini juga, saya

dapat mengeratkan silaturahim dengan ahli kumpulan serta mengeratkan hubungan dengan para responden.

NAMA : MARKUS ANAK PUKANG  
NO. MATRIK : 136369  
NO. KAD PENGENALAN : 971118-13-6141

Penglibatan saya bersama dengan rakan sekumpulan dalam projek PGA 103 telah banyak memberi manfaat yang berkesan kepada saya. Amanah dan tugas yang diberikan oleh ketua kumpulan kepada saya selaku fasilitator projek tersebut telah banyak memberi nilai postif dalam diri saya.

Kepentingan semangat toleransi dalam ahli kumpulan harus ada dalam setiap jiwa individu apabila membuat kerja berpasukan. Keadaan ini sangat penting bagi saya suapaya kita dapat menerima pendapat atau pandangan orang lain. Pengamalan nilai toleransi yang ada pada diri kita secara tidak langsung membolehkan kita belajar sesuatu yang baharu dariapda orang lain.

Saya juga dapat belajar tentang pentinnya semangat kerjasama dalam satu pasukan. Sikap mementingkan diri sendiri bagi saya harus dilelakkan dan meletakkan semangat berpasukan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Ini sangat penting supaya terjalinnya hubungan yang baik diantara ahli kumpulan.

Kesimpulannya, aktiviti PGA 103 ini sebenarnya banyak memberi manfaat kepada para peserta dan juga ahli kumpulan. Kemungkinan banyak perkara baharu yang dipelajari melalui aktiviti tersebut seperti belajar cara mengendali aktiviti, berkomunikasi dengan orang lain dan secara tidak langsung memupuk semangat perpaduan. Diharapkan agar aktiviti sebegini dapat dijalankan pada masa akan datang supaya mereka juga dapat menikmati manfaat yang diperoleh daripada projek tersebut.